

**TRADISI BERBERITA SIAM DI KELANTAN:**  
**SATU ANALISA FUNGSI CERITA**  
***SIAMESE STORY TELLING TRADITION IN KELANTAN: A***  
***FUNCTIONAL ANALYSIS***

BAHARIN ILIAS  
HANAPI DOLLAH  
MOHAMAD NAZRI AHMAD

**ABSTRAK**

Makalah ini membincangkan tradisi bercerita dalam kalangan komuniti Siam. Tradisi ini sudah lama wujud dalam komuniti ini sebelum mereka berhijrah lagi dan menjadi sebahagian daripada identity budaya mereka. Tradisi tersebut yang paling menonjol ialah menorah. Menora ialah dramatari yang dipersembahkan pada masa festival mereka. Menora mempunyai beberapa cerita yang boleh dibahagi dua: cerita utama dan cerita sampingan. Cerita-cerita itu dituturkan oleh tukang cerita professional. Perbincangan ini didasarkan kepada seorang tukang cerita Pak Mat Tok Nora atau Encik Eler dari Kampung Bukit Yong, Pasir Putih, Kelantan. Beliau seorang tukang cerita professional. Cerita-cerita itu mempunyai kepentingan dan fungsi social dan keagamaan. Cerita-cerita itu menanam dan memperkuatkan nilai-nilai social seperti kesamaan, kerjasama, timbangrasa dan penyayang. Cerita-cerita itu, terutama dalam bentuk persembahan adalah sumber hiburan yang utama untuk komuniti mereka.

**Kata kunci:** Siam, menora, tradisi lisan, tukang cerita dan cerita rakyat.

## **ABSTRACT**

This article discusses the story telling tradition in the Siamese communities in Kelantan. This tradition has embedded in the communities long before they migrated to Kelantan and has become one of their cultural identities. The most outstanding of the tradition is the menora. Menora is a dance-drama which is performed during the festivals in their communities. Menora has several stories which could be divided into two genres; i.e the main story and the minor stories. The stories are told by professional story tellers. The discussion is based on a story teller named Pak Mat Tok Nora from Kampung Bukit Yong in Pasir Putih, Kelantan who is a professional story teller. The stories have social and religious significant and functions. They instill and enhance the social values such as equality, co-operation caring and peace loving. The stories especially in the form of performances are a major source of the entertainment for the communities.

**Key words:** Siamese, menora, oral tradition, folktales and strory teller.

## **Pengenalan**

Sastera rakyat atau sastera lisan merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat setempat yang asalnya bersifat buta huruf. Melalui sastera lisan mereka bercerita, berhubung dan berhibur sesama mereka. Begitu juga masyarakat Siam Kelantan, sebahagian cerita lisan mereka itu menjadi cerita dalam persembahan menora. Menora merupakan dramatari atau taridra masyarakat Siam yang popular di bahagian Selatan Thailand termasuklah masyarakat Siam di Kelantan (Mohamad Nazri Ahmad 2008, Sheppard 1973, Safian Hussain et al 1988, Taha Abd Kadir 1999, Grow 1991 dan Guilden 2005). Cerita menora mempunyai dua versi bahasa iaitu bahasa Siam dan bahasa Melayu. Cerita menora yang dituturkan melalui bahasa

Siam dikenali sebagai cerita menora Siam. Kebiasaanya cerita ini dipersembahkan di wilayah Pitchaburi, Surat Thani, Phatthalung dan Nakhon Sithammarat, dan kadang-kala di tengah dan utara Thailand (Noonsuk 1995: 123). Hakikat ini berbeza dengan cerita menora di Pantai Timur Semenanjung Malaysia terutamanya di Kelantan kerana medium pembendaharaan ceritanya disampaikan melalui bahasa Melayu (dialek Kelantan). Walaupun cerita tersebut dituturkan dalam bahasa Melayu, namun keutuhan ‘jati diri’ pendokongnya tetap jelas terpancar.

### **Tradisi Bercerita Komuniti Siam di Bukit Yong**

Komuniti Siam berbangga dengan pesta-pesta kesenian dramatari atau taridra (lakhon) yang begitu indah dengan gerak tari dan alunan suara penyanyinya (Anthony Ried 2011: 234). Lantaran itu, penduduk Siam di Kampung Bukit Yong juga tidak ketinggalan untuk menyerlahkan keunikian kesenian yang mereka miliki. Komuniti Siam di sini mahir dan minat benar dalam teater tradisional Melayu khususnya makyung yang hampir sama dengan menora dalam tradisi Siam. Kadangkala bagi menarik minat orang Melayu datang ke majlis kenduri kahwin yang dijalankan di rumah mereka, persembahan ini akan diadakan, selain memeriahkan lagi sambutan ‘raja sehari’. Kerap kali majlis keramaian masyarakat Siam ini diadakan, ia mendapat tempat dihati orang Melayu sama ada golongan remaja atau orang tua untuk turut serta.

Masyarakat Siam di Bukit Yong juga turut diwarnai oleh tradisi berpantun. Biarpun pantun dikenali dan popular dalam masyarakat Melayu, namun keunikian masyarakat Siam disini dapat menuturkan pantun-pantun Melayu (loghat Kelantan) amat membanggakan. Pantun-pantun ini dijadikan sebagai wahana nasihat, kritikan sosial dan sindiran kepada masyarakat sekitar. Pantun disini juga banyak dipersembahkan melalui nyanyian. Bentuk tema pantun yang dipilih biasanya pantun nasihat, kasih sayang, rajuk, sedih dan sebagainya

(Mohamad Nazri Ahmad 2008: 10). Kebiasaannya pantun-pantun ini dapat didengar dalam upacara tutup panggung iaitu acara terakhir dalam persempahan menora

Keunikan persempahan tradisi di perkampungan ini tidak terbatas setakat itu sahaja. Komuniti Siam di Kampung Bukit Yong juga memiliki ‘sebutir permata’ yang begitu bernilai harganya. ‘Permata’ yang pernah menjadi penghibur dikala penduduk diambah resah gelisah. ‘Permata’ yang menjadi sandaran utama kepada petunjuk kehidupan mereka sehari-hari. Kampung Bukit Yong mempunyai seorang tok nora (tukang cerita) atau penglipur lara Siam bertaraf profesional yang sangat sukar ditemui dewasa ini. Seorang insan tua yang bernama Eler a/l Cha Perat atau asosiasinya dengan panggilan Melayu iaitu Pak Mat Tok Nora. Beliau berkebolehan menutur cerita-cerita lisan sepetimana yang pernah dituturkan semasa zaman muda-mudanya dahulu. Beliau juga menjadi sumber kegembiraan di kampung apabila ada sebarang kenduri dan majlis keramaian kerana Pak Mat Tok Nora sentiasa bersedia untuk bercerita cerita-cerita lisan menora yang dimilikinya.

Ketika kajian dilakukan Pak Mat Tok Nora sudah berusia 74 tahun. Beliau telah lama menetap di Kampung Bukit Yong. Beliau juga telah menjadi penghuni perkampungan tersebut sejak sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu lagi. Pak Mat Tok Nora hidup dalam keadaan sederhana sejak zaman kanak-kanak lagi. Kini Pak Mat Tok Nora tidak bekerja dan hanya menanam sayur secara kecilan-kecilan bagi memenuhi lompong waktu yang terbiar. Pendapatannya hanya bergantung kepada pemberian anak-anak dan cucunya. Biarpun begitu suasannya, Pak Mat Tok Nora tidak sedikitpun menjelaskan kreativitinya sebagai penutur cerita lisan yang berkepakaran tinggi dan disegani ramai. Pak Mat Tok Nora bukan sahaja tahu bercerita, tetapi beliau juga berkeupayaan menyampaikan sesbuah naratif panjang yang lengkap dengan jalinan plot, perwatakan, latar serta persoalan yang hebat.

## Pola Cerita

Cerita menora kebiasaannya berbentuk penglipur lara dan kebanyakannya cerita rakyat tempatan (Mohamad Nazri Ahmad 2008). Walaupun begitu wujud juga cerita pengaruh epik Ramayana dan Mahabhrata, hampir sama dengan cerita-cerita dalam makyung. Mengikut Mohamed Ghouse Nasaruddin (2000) terdapat sejumlah kecil cerita menora yang mengandungi pelbagai jenis tema berkenaan sejarah, lagenda, kelemahan dan kekuatan yang dimiliki oleh manusia. Cerita-cerita tersebut yang diperturunkan secara lisan telah dikembangkan mengikut keperluan tempatan.

Pak Mat Tok Nora memiliki dua genre cerita iaitu lipur lara dan lagenda. Sebagai sebuah cerita lipur lara, cerita-cerita seperti *Gondang Emas*, *Raja Sakti*, *Anak Raja Cahaya Bulan*, *Puteri Dua Belas* dan sebagainya (kecuali *Khraie Thong* berbentuk lagenda buaya putih) memiliki beberapa ciri penting yang merangkumi aspek penutur dan bentuk cerita itu sendiri. Cerita lipur lara menutut kehadiran seseorang pencerita yang mahir dalam persembahannya (Mohamad Luthfi Abdul Rahman 2008 dan Zahari Muhamad 1988). Walaupun Sweeney<sup>1</sup> (1973: 2-8) pernah mengkategorikan penglipur lara profesional dan amatur, namun Pak Mat Tok Nora adalah penglipur lara profesional semasa mempersembahkan cerita-cerita lipur lara ini. Selain menggunakan bahasa yang indah dan berbeza daripada pertuturan harian. Beliau juga membuat persembahan dalam upacara-upacara tertentu. Sebagai penglipur lara profesional, Pak

---

<sup>1</sup> Amin Sweeney mengklasifikasikan penutur cerita lipur lara kepada dua iaitu profesional dan amatur. Penutur professional ialah penutur yang di dalam persembahan yang sebenarnya menyampaikan cerita secara istimewa. Ia biasanya diundang khas untuk bercerita dan menerima upah atas susah payahnya itu. Termasuk dalam pengertian ini adalah juga penutur yang menjadikan bercerita sebagai pekerjaan sambilan dan mungkin bercerita hanya sekali dalam masa lima tahun. Penutur amatur pula teerdiri daripada sesiapa sahaja ahli masyarakat yang dapat bercerita. Biasanya dalam bahasa pertuturan sehari-harian dan mereka ini tidak menerima upah kerana bercerita. Untuk keterangan lanjut mengenai kedua-dua jenis penutur ini, lihat Amin Sweeney. Professional Malay story-telling: some questions of style and presentation. *JMBRAS*. 1973. 46(2): 2-8

Mat Tok Nora turut memperoleh pendapatan dan insentif lain hasil daripada aktiviti bercerita itu.

Menora dapat dikategorikan dalam dua bentuk persembahan. Pertama, persembahan secara formal iaitu Pak Mat Tok Nora menyampaikan cerita lisan semasa berlangsungnya majlis persembahan menora dan dipertontonkan kepada khalayak ramai. Ramai dalam kalangan penduduk datang untuk menyaksikan persembahan tersebut. Kedua, secara tidak formal iaitu kegiatan bersenggang.

Semasa berbual-bual dengan masyarakat kampung atau penduduk yang datang sendiri ke rumahnya semata-mata untuk mendengar cerita yang dituturkan oleh Pak Mat Tok Nora. Kadang-kadang jiran sebelah rumah hadir ke bangsal Pak Mat Tok Nora untuk menikmati indahan cerita-cerita yang disampaikan olehnya. Seterusnya, Pak Mat Tok Nora sering bercerita kepada anak dan cucunya di laman rumah sendiri ketika mereka ramai-ramai berkumpul sekiranya diizinkan oleh kesihatan dan kelapangan waktu.

Bersesuaian dengan bentuk cerita menora bercorak lipur lara, cerita ini sering berlatarkan kehidupan istana dengan watak wira dan wirawati berketurunan raja (Jamilah Haji Ahmad 1981: 82-83). Watak-watak utamanya juga sering digambarkan rupa paras yang cantik serta tampan tiada cacat celanya yang memukau pandangan khalayak. Malah kehidupan watak juga sering dihubungkan dengan alam kayangan dan segala keajaiban (Siti Hawa Haji Salleh 2009). Cerita yang disampaikan oleh Pak Mat Tok Nora kerap kali menunjukkan adanya hubungan dengan alam tersebut. Sekiranya berlaku sebarang musibah dan bencana di dunia, akan dimunculkan watak daripada kayangan sama ada binatang atau dewa untuk membantu wira di dunia ini. Malah, Pak Mat Tok Nora juga turut melakarkan watak utamanya yang berketurunan daripada alam kayangan atau kelahiran semula (*reinkarnasi*) untuk memberi darjat yang tinggi kepada status seseorang wira dan wirawati.

## Pendekatan Fungsional

Dalam tradisi lisan, fungsionalisme seiring dengan fungsi sosial sastera yang dapat dilihat menerusi pernyataan Horace. Sebagaimana yang disebut oleh Mana Sikana (2007: 400) berdasarkan *Art poetica* tulisan Horace meletakkan fungsi sastera dengan istilah *dulce* dan *utile* iaitu menyenangkan dan bermanfaat. Mengenai menyenangkan ini berkaitan dengan penerimaan masyarakat terhadap karya sastera yang menyeronokan jiwa dan bermanfaat disebabkan karya tersebut memberi bimbingan dan membangun masyarakat untuk mencapai kesempurnaan hidup. Bahkan, Horace (Mana sikana 2007) menggunakan istilah *decore* (berisikan sesuatu yang baik), *dilectare* (membuka rasa nikmat dan keseronokan) dan *movere* (penggerak dan pemberi kesan yang berguna). Berhubung hal ini, Teeuw (2003: 151) menegaskan “tujuan penyair ialah berguna atau memberi nikmat ataupun sekaligus mengatakan hal-hal yang enak dan berfaedah untuk kehidupan”. Penyair dalam konteks kajian ini ialah penutur cerita menora.

Bagi Bascom (1965), cerita lisan mempunyai empat fungsi iaitu sebagai cerminan masyarakat pemiliknya, alat pengesahan kebudayaan, alat pendidikan, ikatan sosial, bahan kritikan dan kiasan sosial, hiburan dan mengubah pekerjaan yang membosankan menjadi permainan. Fungsi-fungsi sebegini dapat dilihat berdasarkan data yang diperolehi melalui kerja lapangan (Suwardi Endraswara 2009: 125). Pemilik cerita lisan tidak mengaggap penting tentang asal-usul atau sumber karyanya, melainkan fungsi cerita itu lebih menarik mereka Pada dasarnya, tradisi lisan berfungsi untuk memantapkan identiti serta meningkatkan integrasi sosial, dan secara tidak langsung sebagai simbolik yang mampu mempengaruhi masyarakat. Kadang-kala tradisi lisan lebih kuat pengaruhnya berbanding sastera moden (Suwardi Endraswara 2009: 127). Hal ini kerana sastera lisan mempunyai ‘kuasa pengaruh’ terhadap pembentukan tata nilai yang

berupa sikap dan perilaku. Bagi Bascom (1965: 280) fungsi sastera lisan tidak boleh dilepaskan begitu sahaja daripada kebudayaan yang luas dan juga dengan konteksnya. Cerita lisan juga berperanan sebagai penerusan budaya sesebuah masyarakat. Kajian ini melihat bagaimana cerita-cerita lisan yang dimiliki oleh masyarakat Siam merupakan salah satu elemen dalam budaya masyarakat Siam yang berperanan dalam mewujudkan keharmonian, kestabilan dan seterusnya membawa kepada penerusan budaya Siam. Masyarakat Melayu juga mempunyai keperihatinan yang sama dalam situasi ini, di mana mereka mahukan kehidupan yang sejahtera berdasarkan ajaran agama Islam yang syumul.

### **Wahana Didaktik**

Menurut The Encyclopedia Americana (1972) terdapat huraian istilah ‘didactic literature’ yang boleh dihubungkan dengan soal-soal amanat dan moral. Ia juga bermaksud sastera bertujuan mengajar dan membimbing pembaca atau pendengar terutamanya hal-hal moral, pelajaran dan keagamaan. Kewajaran penggunaan akal rasional dan bijak mengambil peluang yang sebaiknya dalam menghadapi sesuatu masalah merupakan unsur pengajaran yang tinggi nilainya. Kesenangan hidup di dunia ini sering kali dikaitkan dengan ilmu, namun ilmu itu perlu diolah supaya kena dengan perkara yang diperkatakan. Misalnya dalam *Cerita Empat Saudara* memberi gambaran bahawa seorang rakyat jelata dapat menjadi menantu raja kerana pandai bercerita. *Cerita Puteri Dua Belas* pula menerangkan bagaimana seorang saudagar kaya akhirnya menjadi miskin akibat sikap angkuh dan egois dalam membelanjakan hartanya. Sehingga sanggup membuang puteri-puterinya ke dalam hutan. Mereka terpaksa mengharungi kehidupan yang serba kekurangan. Sebagai seorang bapa, seseorang tidak seharusnya bersikap sedemikian kerana ajaran Buddha menegaskan seseorang yang melakukan kesilapan ketika

berada di dunia akan menghadapai penderitaan selepas kematiaannya (Ishii 1993).

Selain itu, Kesetiaan dan keikhlasan penting dalam hidup bermasyarakat. Hal ini dapat diperhatikan melalui *Cerita King Keladi Yu* yang mengisahkan kecurangan kekasih King Keladi Yu dalam menantinya dari perantauan. Akhirnya kekasih King Keladi Yu mendapat balasan dimana ia dihukum pancung oleh anak Raja Besar. Situasi ini memberi reaksi kepada khalayak pendengar agar setia dan ikhlas kepada pasangan kerana ia merupakan faktor penting dalam membina sebuah keluarga bahagia. Semangat bantu-membantu dan berkerjasama harus wujud dalam masyarakat. Hal ini jelas terpancar dalam *Cerita Gondang Emas* dimana seorang tua bernama Wak Sgaming membantu seorang permaisuri yang dianinya dan dihalau oleh raja. Keadaan ini membuatkan Wak Sgaming bersimpati dengan permaisuri itu. Biarpun Wak Sgaming mempunyai sebuah pondok yang kecil, namun ia menaruh harapan yang menggunung untuk membantu atau memberi pertolongan kepada mereka yang berada dalam kesusahan. Keadaan ini dapat diperhatikan menerusi *Cerita Empat Saudara* dimana empat saudara berkerjasama demi menyelamatkan seorang nyawa. Dalam *Cerita Raja Phrak Sukthon*, situasi ini dapat digambarkan menerusi watak marshi. Beliau membantu Raja Phrak Sukthon dalam mencari isterinya dengan memberi tempat tinggal dan petunjuk jalan untuk menuju tempat itu. Sementara itu juga, dilihat dewa dari kayangan juga turut memberi bantuan kepada Raja Phrak Suthon. Menerusi pertolongan-pertolongan itu, akhirnya Raja Phrak Sukthon berjaya mendapatkan kembali isteri tercintanya.

### **Sumber Pengetahuan**

Sumber pengetahuan kepada masyarakat merupakan antara aspek penting. Ianya dapat menyampaikan sesuatu perkara yang mana tidak dapat diketahui oleh ilmu moden kini. Justeru, cerita ini memberi

gambaran kepada masyarakat Siam tentang perkara-perkara yang telah berlaku pada suatu ketika dahulu iaitu zaman sebelum kelahiran masyarakat pada hari ini. Melalui cerita menora, masyarakat Siam dapat menanggapi bagaimana usul kejadian haiwan seperti nyamuk, pacat, lintah, ikan merah pipi dan bonjolan di atas kepala buaya. Walaupun begitu, kejadian haiwan di atas terjadi berdasarkan sebab akibat yang seharusnya diwujudkan bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat kemudian hari tentang kejadian itu.

Kejadian nyamuk, lintah dan pacat misalnya berlaku menerusi peristiwa peperangan antara Sakti Bongsu dengan Ibu Bota dalam *Cerita Raja Sakti*. Ibu Bota merupakan seekor gergasi yang menyamar menjadi manusia biasa dan berkahwin dengan ayahanda Sakti Bongsu, Raja Sakti. Lantaran itu, berlakulah peperangan antara Sakti Bongsu dan Ibu Bota. Peristiwa peperangan ini Ibu Bota berjaya ditikam oleh Sakti Bongsu. Darah yang keluar dari bulu rompa menjadi nyamuk manakala pacat dan lintah terjadi melalui darah yang keluar dari hidung dan mulutnya. Haiwan ini berperanan sebagai penghisap darah manusia dan secara simboliknya haiwan-haiwan tersebut merupakan penerusan daripada aliran Ibu Bota sebagai pengganggu kepada kehidupan manusia. Sehubungan itu, masyarakat juga mengetahui tentang usul Ikan Merah Pipi yang terpapar dalam *Cerita Raja Phrak Sukthon*. Cerita mengenai asal Ikan Merah Pipi berpunca daripada Raja Phrak Sukthon yang menghadapi ujian daripada Raja Tumerat kerana ingin berkahwin dengan Puteri Nang Maknora. Sebagai ujiannya, Raja Phrak Sukthon telah diberi seratus biji lenga untuk ditaman. Sebelum menanam, biji lenga itu terlebih dahulu dibasuh di sungai. Apabila dikira semula biji lenga itu, tidak mencukupi dan berbaki sembilan puluh sembilan sahaja. Lantas Raja Phrak Sukthon melihat seekor ikan mengandung lalu menampar dipipi ikan tersebut lalu keluar dari mulutnya sebijii lenga. Lalu ikan itu dinamakan ‘merah pipi’ hasil daripada kesan merah dipipinya akibat ditampar oleh Raja Phrak Sukthon.

*Cerita Raja Sen Sina* pula, masyarakat Siam dapat mengetahui tentang asal-usul buaya jadian dan bonjolan berbentuk ‘limau purut’ dikepalanya. Buaya jadian menurut cerita ini berasal daripada seorang raja iaitu Raja Muda. Beliau mempunyai budi pekerti yang baik telah dikhianati oleh saudaranya, Raja Sen Sina. Kekejaman saudaranya Raja Sen Sina diketahui oleh Raja Muda lalu membawa diri ke hutan dengan membina pondok berhampiran tasik yang dikelilingi oleh buaya. Suatu ketika, Raja Muda berpesan kepada adiknya, Timun Muda agar tidak membuang air didih memasak nasi ke dalam tasik. Namun diingkari oleh adiknya. Air yang panas itu terkena di atas belakang seekor buaya menyebabkan sisik buaya yang terkena air panas tersentak dan melenting masuk ke dalam periuk nasi Puteri Timun Muda tanpa disedarinya. Apabila Raja Muda makan nasi tersebut, sebentar kemudian, keluarlah sisik buaya dari tubuhnya. Maka jadilah Raja Muda seekor buaya. Bagi mengelakan daripada bertukar dengan buaya lain, Raja Muda menyuruh Puteri Timun Muda mengambil pemacak sanggul rambut<sup>2</sup> dan memacak di kepalanya. Kesan daripada cucukan penyanggul rambut Puteri Timun Muda, terkeluarlah satu bonjolan di kepala buaya jadian itu berbentuk ‘limau purut’. Justeru, menurut orang-orang tua dahulu, di atas kepala buaya terdapat satu bentuk ‘limau purut’ dikatakan berasal dari pemacak sanggul Puteri Timun Muda (Eler a/l Cha Perat 2010). Situasi ini membolehkan masyarakat awam, khususnya Siam dapat mengetahui tentang usul buaya jadian yang berlaku pada zaman tradisional dahulu.

### Pengesahan Budaya

Fungsi cerita lisan seterusnya ialah “it plays in validating culture.

---

<sup>2</sup> Menjadi kebiasaan kepada wanita Kelantan pada masa yang lalu menjadikan cucuk sanggul sebagai senjata untuk membela diri. Cucuk sanggul itu lazimnya diperbuat daripada besi atau tembaga dan dibahagian salah satu hujungnya ditajamkan. Senjata ini dikatakan pernah digunakan oleh Tuan Puteri Saadong untuk menikam Raja Abdullah hingga mangkat (Mohamad Nazri Ahmad 2008b: 147).

In justifying its ritual and institution..” Menerusi fungsi ini, cerita lisan digunakan untuk pengesahan sesuatu institusi sosial atau upacara (Bascom 1965: 292). Bila wujud keraguan tentang sesuatu, maka akan lahirlah cerita-cerita yang akan mengesahkannya dan seterusnya diterima oleh masyarakat. Begitu juga dengan kesenian menora yang mempunyai pelbagai versi cerita bagi mengesahkan asal kemunculannya.

Versi Pak Mat Tok Nora (2010) bahawa ‘perkataan’ menora terkeluar daripada mulut Puteri Sri Mala secara spontan apabila ditanya oleh seorang lelaki tentang tarian yang dimainkan olehnya. Semenjak itu, menora dikatakan mendapat nama sehingga sekarang. Oleh kerana asyik bermain menora, Puteri Sri Mala dihalau dari istana oleh ayahandanya kerana tidak berminat dengan ilmu ketatanegaraan. Puteri Sri Mala berakit sehingga sampai di sebuah pulau bernama Pulau Si Chang atau Pulau Kew. Di sana permainan menora bertambah rancak dengan wujudnya alat-alat muzik yang dicipta khas untuk persembahan menora. Puteri Sri Mala berkahwin dan melahirkan Putera Thep Sing Horn sebagai peneraju menora. Permainan ini semakin popular sehingga diketahui oleh ayahanda Puteri Sri Mala. Raja memanggil kumpulan menora Putera Thep Sing Horn membuat persembahan dalam istana. Cerita sebenar yang dilalui oleh Puteri Sri Mala diketahui oleh ayahandanya. Raja memanggil semula Puteri Sri Mala untuk tinggal semula di istana. Semasa di istana, permainan menora bertambah menarik kerana kelengkapan seperti baju khas permainan dan mahkota dianugerahkan oleh raja. Permainan menora terus popular dan menjadi kesenian istana.

Versi Mohamed Ghous Nasaruddin (2000: 60) pula menyatakan bahawa menora dikaitkan dengan seorang puteri raja bernama Simala yang hamil setelah memakan bunga tanjung. Raja murka kerana Simala telah memberi aib kepada kerabat. Simala dijatuhkan hukuman bunuh, namun dipujuk oleh permaisuri baginda raja agar dihukum buang negeri. Sewaktu dalam buangan, Simala

melahirkan Putera Tipsinghon yang diajarnya menari bagi memenuhi waktu senggang. Pada masa yang sama, raja selalu gering. Menurut seorang nujum istana, untuk memastikan raja kembali sihat seperti biasa, baginda harus memanggil anak dan cucunya kembali tinggal di istana. Simala dan puteranya kembali ke istana dan mempersembahkan tarian menora kepada baginda. Penyakit raja sembah dan baginda memaafkan dan mempelewa Simala bersama puteranya tinggal dalam istana.

Biarpun begitu, cerita asal-usul menora ini berbeza dengan versi James R. Brandon. Brandon (1967: 24) menegaskan bahawa menora berasal daripada kisah Suthon-Manora. Perkataan ‘menora’ diambil daripada nama watak heroin cerita tersebut. Manora merupakan Puteri Bongsu daripada tujuh beradik Raja Kinrara. Sewaktu puteri-puteri ini sedang mandi di sebuah tasik kawasan pemburu raja, Manora telah ditangkap oleh pemburu dan dibawa ke istana. Manora dikahwinkan dengan dengan putera raja. Sewaktu suaminya, Suthon keluar berperang, orang iri hati kepadanya dan disuruh bakar dirinya bagi menyelamatkan nyawa suaminya. Namun, apabila hendak dibakar, Manora sempat mengambil baju terbangnya dan terbang kembali ke negeri asalnya. Setelah Suthon kembali dari berperang, didapati Manora tiada. Suthon mengambil keputusan keluar mencari Manora di Negeri Kinrara. Akhirnya mereka dapat bersatu semula.

Cerita ini hampir sama dengan cerita menora versi Pak Mat Tok Nora melalui kisah *Raja Phrak Sukthon*. Namun, beliau menegaskan bahawa Sukthon merupakan raja yang memerintah negeri dan bukan anakanda raja yang memerintah. Menurut maklumat lisan daripada Eh Chang a/l Eh Jiyu (2010) bahawa menora sepatutnya dipanggil sebagai ‘maknora’ sebagaimana ‘makyung’. Menurutnya lagi, hal ini berlaku disebabkan oleh masyarakat Kelantan sendiri memendekkan perkataan ‘maknora’ kepada ‘nora’.

Cerita-cerita ini memberi gambaran kepada masyarakat Siam

bahawa asal-usul menora mempunyai mitos dan dongengnya yang tersendiri. Kedongengannya itu masih menjadi tanda tanya dan misteri sehingga ke hari ini. Kesemua asal-usul menora mempunyai urutan yang sama iaitu kisah puteri dibuang negeri, melahirkan anak semasa dalam buangan, dan kembali ke istana untuk membuat persembahan kepada raja seterusnya kembali sebagai kaum kerabat (Mohamed Ghous Nasaruddin 2000)

### **Penerusan Pola-pola Yang Diterima Oleh Masyarakat**

Melalui fungsi ini dapat dilihat bagaimana cerita-certa menora telah digunakan bagi meneruskan pola-pola perlakuan yang diterima oleh masyarakat. Menurut Bascom (1965: 294) “some form of folklore are important as means of applying social pressure and exercising social control.” Jelasnya cerita lisan dapat mengawal bentuk perlakuan masyarakatnya. Menerusi cerita-cerita lisan ini, perlakuan masyarakat telah diberikan nilainya. Jika sesuatu perkara itu menyalahi norma masyarakat, maka segala bentuk balasan yang negatif akan dikenakan kepada seseorang. Jika sebaliknya berlaku, ia akan menerima sanjungan. Jadi disini boleh dianggap terdapatnya *social sanction* dan *social approval*.

Unsur-unsur ini agak ketara terutama cerita yang melibatkan perbuatan fitnah lantaran daripada dorongan perasaan tamak, iri hati, dan memiliki sikap pentingkan diri sendiri. Ia juga berlaku disebabkan seseorang itu lebih mengutamakan kedudukan dan keduniaan (nafsu) melebihi kepentingan agama demi kepentingan diri sendiri (Mahathera 1997). Misalnya *Cerita Tuan Pudimas* yang mengisahkan angkara fitnah yang dilemparkan oleh permaisuri Raja Muda Phai Nam Mahawung yang menyebabkan Puteri Timun Muda dihalau dari istana. Biarpun begitu, balasan kepada pemfitnah tersebut dinyatakan oleh tukang cerita pada bahagian akhir cerita iaitu dijadikan hamba istana sebagai pengajaran dan penerusan pola-pola yang diterima oleh

masyarakat dan sebaliknya.

*Cerita Gondang Emas* pula tentang Tuan Puteri Candewi yang dikhianati oleh madunya Tuan Puteri Cantadewi dengan mengupah nujum supaya dihalau Tuan Puteri Candewi daripada terus tinggal dalam istana. Akibat bertindak tanpa usul periksa Raja Besar Jogsaimun menyebabkan Tuan Puteri Candewi hidup merana dalam hutan. Akhirnya, Raja Besar Jogsaimun mengetahui hal yang sebenar dan menjatuhkan hukuman terhadap Tuan Puteri Cantadewi sebagai hamba istana. Tuan Puteri Candewi dipelawa tinggal dalam istana bersama raja dan anaknya, Putera Gondang.

Peristiwa yang hampir sama berlaku dalam *Cerita Raja Phrak Sukthon*. Permaisuri Sanum telah mengupah nujum supaya memfitnah Tuan Puteri Nang Maknora agar keluar dari istana Raja Phrak Sukthon. Tuan Puteri Nang Maknora terpaksa membawa diri keluar dari istana dan terbang dengan sayap sandang [sayap terbang] ke tempat asalnya. Kepulangan Raja Phrak Sukthon daripada medan perang mendapati isterinya Tuan Puteri Nang Maknora tiada dalam istana. Permaisuri Sanum membuat fitnah dengan mengatakan Tuan Puteri Nang Maknora lari dari istana ketika Raja Phrak Sukthon tiada. Mendengar hal itu, Raja Phrak Sukthon mengambil keputusan untuk mencari Tuan Puteri Nang Maknora. Beliau berjumpa dengan Tuan Puteri Nang Maknora di Negeri Raja Tumerat. Tuan Puteri Nang Maknora memberitahu hal yang sebenarnya kepada Raja Phrak Sukthon mengenai peristiwa yang berlaku semasa ketiadaannya dalam istana. Raja Phrak Sukthon marah dan menjatuhkan hukuman bunuh kepada Permaisuri Sanum. Walau bagaimanapun, dihalang oleh Tuan Puteri Nang Maknora dan mencadangkan Sanum dijadikan hamba istana. Di sini tukang cerita sengaja memasukan unsur-unsur kawalan sosial terhadap watak yang melakukan fitnah. Watak ini pada akhirnya dikenakan hukuman yang setimpal dengan perbuatannya. Perbuatan ini juga boleh menyebabkan runtuhnya sesebuah agama, bangsa dan negara.

Cerita menora mengandungi unsur-unsur *Odipus-complex*, iaitu kegahiran terhadap darah daging sendiri (Mohamad Nazri Ahmad et. al 2010: 143). Hal ini dapat dilihat melalui *Cerita Raja Sen Sina* dimana perbuatan untuk mengahwini darah daging sendiri tidak dapat diterima oleh masyarakat. Raja Sen Sina merupakan seorang raja yang memerintah sebuah negeri. Namun demikian, nafsu yang tidak terkawal telah menyebabkan dirinya jatuh hati dan ingin berkahwin dengan adiknya sendiri, Puteri Bongsu. Dalam ajaran Buddha, nafsu syahwat merupakan perkara yang harus dielakan kerana ia menjurus kepada penderitaan dan kesengsaraan dikelahiran akan datang (Jotidhammo 2000). Oleh kerana Puteri Bongsu tahu akan darah dagingnya sendiri tidak boleh berkahwin telah menimbulkan kemarahan Raja Sen Sina lalu membunuhnya. Raja Muda mengetahui hal tersebut melarikan diri keluar dari negeri Raja Sen Sina dan menjadi seorang pertapa dalam hutan.

Cerita ini menggambarkan bahawa biarpun seseorang mempunyai pangkat dan darjah yang melebihi orang lain tidak mampu melakukan perkara yang boleh dikategorikan sebagai diluar tabii. Peristiwa ini menyebabkan masyarakat mencemuh perbuatan tersebut dan ia bertentangan dengan prinsip kehidupan. Kematian yang ditempuh oleh Puteri Bongsu merupakan satu bentuk simbolik dimana maruah perlu dipertahankan sehingga ke titisan darah. Hanya pengorbanan sedemikian rupa sahaja yang boleh menyedarkan mereka yang melampaui batas. Dalam hal lain, tukang cerita juga dilihat cuba memisahkan antara golongan yang zalim dan adil. Kezaliman ini ditentang melalui konsep melarikan diri daripada bertuarkan mereka yang zalim. Dalam situasi lain, ianya menimbulkan satu konflik jiwa diantara golongan tersebut. Sekiranya golongan itu mempunyai akal yang rasional, maka ia mengetahui akan ada golongan yang tidak suka akan perbuatannya. Secara sedar, ia boleh mengubah sikapnya yang keterlaluan itu dan kembali kepada dunia kebaikan. Biarpun kesalahan yang besar telah dilakukan, taubat (kembali ke pangkal

agama) merupakan jalan terakhir dan diterima semula oleh masyarakat sekitarnya. Situasi ini juga boleh dianggap sebagai sosial kontrol bagi mewujudkan persekitan yang aman dan sentosa.

*Cerita Puteri Dua Belas* pula menceritakan saudagar kaya dan isterinya mendapat cahaya mata seramai dua belas orang. Oleh kerana suka membazir, lama-kelamaan mereka menjadi miskin kedana. Akibatnya, mereka membuat tipu helah untuk membuang puteri-puterinya ke hutan. Akhirnya puterinya menjadi isteri raja yang memerintah sebuah negeri. Biarpun mereka dibuang, tetapi mereka tetap mencari ibubapanya. Ibubapa harus berjuang demi kesucian harga dirinya, dan supaya keluarganya mendapat keharmonian hidup. Mengasuh dan menimang anak dengan dorongan iman demi kelangsungan hidup (Abnuoor Abu Samah @ Ahmad Asri Lubis 1997: 27). Tukang cerita memperlihatkan bagaimana perhatian seorang ibu terhadap anak-anak adalah penting. Memberi kasih-sayang kepada mereka dan mendidik mereka secara beragama adalah dituntut. Di atas bahu ibu terletaknya tugas pendidikan yang penting, kerana dia lah yang banyak bergaul dengan mereka dibandingkan dengan ketua keluarga. Hal ini menggambarkan bahawa setiap ibu mempunyai tanggungjawab yang penting dalam melaksanakan tugas bukan sahaja untuk suami tetapi anak-anak.

Berkenaan dengan pembaziran dan boros pula, tukang cerita secara tidak langsung menyeru masyarakat supaya tidak melakukan pembaziran. Suatu perancangan keawangan pula tidak mungkin akan terjadi sekiranya seseorang itu terus menerus boros berbelanja. Pemborosan dan suka membazir juga adalah bertentangan dengan ajaran agama yang rata-ratanya menyeru manusia supaya bersederhana dalam setiap perkara. (Sinar Harian 2011: 26) Istilah ‘mengukur baju dibadan sendiri’ patut diperaktikan demi menjaga keawangan keluarga. Jelaslah bahawa cerita lisan ini mampu memberi penilaian berkenaan institusi kawalan sosial. Hal ini kerana watak-watak dalam cerita lisan akan menerima ganjaran dalam bentuk apa saja, sekiranya ia

mematuhi norma-norma masyarakat. Namun watak-watak yang menyeleweng akan dikecam dan dikenakan hukuman dalam bentuk apa saja.

### **Hiburan**

Cerita menora juga berfungsi sebagai medium hiburan kepada masyarakat. Menurut Bascom (1965: 209) "... Amusement is obviously one of the functions of folklore..." Pada kebiasaannya pada tiap-tiap perkembangan masyarakat, akan wujud satu cara bagi anggota masyarakat melepaskan rasa penat atau bosan selepas menjalani urusan rutin harian. Lazimnya masyarakat tradisional terdiri daripada golongan bawahan seperti petani, nelayan, mundur, tidak membangun, buta huruf, dan primitif atau boleh dianggap sebagai masyarakat yang sederhana dan mengamalkan sistem sosial yang terikat dengan kerjasama dan kolektif serta tidak mempunyai jaringan dengan dunia luar (Mohd. Taib Osman 1981a dan Arba'e Sujud 2009). Bagi masyarakat moden pula, mereka hidup dibandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan mempunyai kemudahan seperti internet, radio, tv, video, astro, vcd dan seumpamanya telah menjadi sebahagian daripada bahan hiburan. Hal ini juga menyebabkan golongan ini menuju ke arah individualisme dan tidak mempunyai rasa bermasyarakat. Berbalik kepada masyarakat tradisional (kekampungan) pula, mereka mempunyai pertalian yang erat sesama anggota masyarakat. Corak kehidupan mereka yang simple dan tidak terikat kepada sebarang bentuk pekerjaan. Mereka mencipta alat-alat hiburan yang boleh dikatakan masih berada pada tahap yang rendah. Bagi masyarakat ini, cerita-cerita lisan merupakan salah satu sumber yang dapat menghiburkan hati-hati mereka.

Dalam kalangan masyarakat Siam, berhibur merupakan suatu perkara yang lumrah. Ia dapat dibuktikan dengan kewujudan ramai tukang-tukang cerita menora seperti Noro Pak Mat, Noro

Ehcun, Noro Elat, Noro Eh chom, Noro Amnuai, Noro Ehtit dan ramai lagi. Cerita-cerita dikendalikan di serata alam; alam nyata dan alam khayal, bumi dan keinderaan. Para pendengar dibawa terbang ke alam fantasi, mengembara bersama-sama khayalan dan imaginasi penuturnya menyaksikan keindahan dan kemakmuran di istana raja-raja yang besar dan berkuasa. Para pendengar juga dipukau sambil diperkenalkan dengan anak-anak raja yang gagah berkuasa dan tabah bercinta. Puteri-puteri jelita dan tiada cacat celanya.

### **Sumbangan Cerita Kepada Pembinaan Negara Bangsa**

Isu pembinaan negara bangsa Malaysia menarik perhatian pelbagai pihak selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad mantan Perdana Menteri Malaysia Keempat mengemukakannya pada tahun 1991. Mengulas berkenaan dengan Wawasan 2020, beliau menegaskan, “dalam merilasikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju pada 2020, kita perlu berusaha ke arah membentuk masyarakat yang liberal dan bertolak ansur tetapi pada masa yang sama bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan pegangan agama masing-masing”. Walaupun begitu, masyarakat Malaysia perlu meletakan sepenuh taat kesetiaan kepada raja dan negara (Abdul Rahman Embong 2000). Biarpun begitu, persoalan ini bukan suatu yang baru. Proses ke arah itu sudah wujud sejak period kolonial British. Pada 1 April 1946 *Malayan Union* diisytiharkan dan secara langsung British telah mengubah dasarnya terhadap Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua tamat (Utusan Melayu 1946: 1).

Dalam kertas putih Malayan Union, perkara kesepuluh mewujudkan satu bangsa berkewarganegaraan berlandaskan prinsip ‘jus soli’ atau ‘kerakyatan *Malayan Union*’ iaitu kerakyatan berdasarkan tempat kelahiran diperkenalkan. Perkara ini telah diluluskan oleh Parlimen di London pada 22 Januari 1946. Jangka hayat *Malayan Union* amat singkat iaitu lebih kurang 20 bulan

ia berlangsung. Pada 21 Januari 1948 termeterai suatu perjanjian baharu antara raja-raja Melayu dengan kerajaan British yang dikenali Perjanjian Persekutuan, iaitu perjanjian yang membatalkan *Malayan Union* (Buyong Adil 1971: 325-327). Pada 1 Februari 1948 kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dan secara langsung menggantikan kerajaan *Malayan Union* (Chew 1968: 51). Keadaan ini bertambah baik sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kemerdekaan ini membuka ruang kepada masyarakat di negara ini bebas menjalankan aktiviti kehidupan selagi mana tidak bertentangan dengan keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Dalam konteks, cerita-cerita menora sebuah karya yang lahir dalam komuniti minoriti Siam mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang tersendiri dalam memperkatakan soal negara bangsa ini. Mereka bukan sahaja mempunyai cerita yang dianggap dongeng dan tidak masuk akal oleh masyarakat pada hari ini, namun intipati daripada cerita tersebut memberi makna konotasi yang jelas di mana ia bukan sahaja medium untuk berhibur tetapi sebagai seruan kepada masyarakat supaya bersikap positif dalam sesuatu perkara. Misalnya berkenaan fitnah. Kebelakangan ini Malaysia dilanda kemelut fitnah yang seringkali dilihat boleh mengancam kestabilan dan mengganggu gugat keamanan negara. Tok nora cuba mengkritik pembuat fitnah sebagai ‘wira jangka pendek’ bagi memenuhi tuntutan jiwa kacau dan memikirkan kepuasan setelah fitnah itu tersebar.

Si pemfitnah dan penyebar fitnah tidak memikirkan tentang hal-hal yang berlaku kelak. Namun, golongan ini harus berhadapan dengan kenyataan jika fitnah itu palsu semata-mata. Tok nora menekankan hukuman yang berat terhadap penyebar fitnah termasuklah bunuh. Walau bagaimanapun masih ada jalan penyelesaian daripada gejala ini. Jalan penyelesaian adalah bertaubat dan memohon ampun dan maaf daripada orang yang difitnah. Dosa fitnah termasuk dalam golongan dosa sesama manusia. Jadi, dosa

itu tidak akan terampun melainkan orang yang difitnah itu memberi keampunan terhadap fitnah dilemparkan terhadapnya. Amalan fitnah secara berterusan mampu memberi implikasi buruk, malah lebih dahsyat daripada membunuh. Jika membunuh hanya melibatkan orang tertentu dan akan berakhir pada satu masa tertentu. Tetapi fitnah itu boleh menjatuhkan maruah seseorang. Seterusnya menimbulkan perpecahan, perbalahan, kemasuhan harta dan nyawa dalam jangka masa yang sukar dibendung dan disekat. Matlamat fitnah adalah untuk memburukan dan mencemarkan maruah seseorang, lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai kedudukan dan pangkat.

Perbuatan fitnah sentiasa seiring dengan peredaran masa. Kalau dahulu fitnah itu disebarluaskan secara lisan, tetapi sekarang bukan sekadar lisan. Malah turut disebarluaskan melalui media-media cetak dan elektronik. Misalnya melalui akhbar, majalah, televisyen, SMS, emel, laman web, blog, Twiter, Facebook dan sebagainya. Malah fitnah dilihat begitu cepat tersebar kerana ada kesemua kemudahan seperti ini.

Sehubungan itu, fenomena ini bukan perkara yang baru dan perkara ini pernah berlaku dalam masyarakat lampau dan mananya sejarah sekalipun. Dalam Islam, Misalnya Sejarah Melayu, Sejarah Umar al-Khattab (Darmata'siah), Sejarah Nabi Muhammad S.A.W. Sejarah Raja-raja Pasai dan sebagainya. Cuma yang berbeza dengan sekarang adalah cara penyebaran dan penerimaan masyarakat. Mengenai penerimaan sesuatu berita Al-Quran (24: 15) menegaskan “Ingatlah pada waktu kamu menerima berita palsu itu dari mulut ke mulut, dan kamu katakan dengan mulutmu apa yang tidak kamu mengetahui dengan sah mengenainya dan kamu menganggapnya suatu yang ringan sahaja. Padahal dia pada sisi Allah adalah besar”. Berbalik kepada cerita, kegiatan memfitnah ini dikritik oleh tok nora sebagai perbuatan yang boleh dianggap sebagai pembunuh. Masyarakat diseru supaya mengelakan diri daripada terjebak dalam gejala tidak sihat ini. Bagi menjatuhkan seseorang daripada takhta

atau kedudukannya, fitnah bukan cara terbaik ke arah itu. Namun diplomasi merupakan cara yang tepat untuk menangani pertelingkah antara satu pihak dengan pihak lain.

Berkenaan kesetiaan pula, tok nora menekankan perihal pentingnya dalam kehidupan bermasyarakat, terutamanya institusi kekeluargaan. Sekiranya kesetiaan pudar, maka tidak hairan sekiranya institusi kekeluargaan akan retak dan musnah sepertimana yang tergambar dalam cerita. Masyarakat diingatkan oleh tok nora secara tidak langsung semasa penuturan cerita dilakukan. Kebahagian dan keharmonian rumah tangga bermula daripada kesetian setiap pasangan. Sekiranya salah seorang daripada mereka curang, ia pasti akan membawa kepada penceraian. Pengajaran ini amat berguna bagi masyarakat kerana ia tidak memerlukan modal tetapi memerlukan usaha yang tinggi dalam menghadapi dan mengharungi cabaran hari-hari yang mendatang. Hakikatnya, tujuan membina kehidupan berkeluarga untuk terus berkekalan sehingga ke hujung nyawa, tetapi menanti hari depan amat merumitkan. Institusi keluarga merupakan platform dasar kepada masyarakat sebelum ia memasuki dalam struktur sosial yang lebih besar lagi. Jadi kekuatan institusi kekeluargaan perlu dititikberatkan agar pembinaan negara bangsa mencapai matlamatnya, iaitu masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu dalam sebuah negara yang dipayungi oleh keadilan pemerintahan.

Peranan yang dimainkan oleh tok nora adalah penting. Tujuan menutur cerita-cerita lisan bukan semata-mata untuk berhibur, malah lebih daripada itu matlamatnya. Misalnya memberi pengajaran moral, akhlak, nilai-nilai murni, adat-istiadat dan sebagainya. Semasa bercerita, tok nora dengan sengaja memasukkan unsur-unsur kebaikan bagi memberi pengajaran kepada pendengar. Para pendengar menerima pengajaran-pengajaran tersebut dan mempraktikkan dalam kehidupan mereka. Sekiranya mereka diajar dan diasuh dengan hal-hal kebaikan, nescaya masyarakat akan menjadi masyarakat yang berguna dan begitulah sebaliknya. Unsur-unsur nasihat dan tunjuk

ajar dalam cerita yang disampaikan menarik dan mudah difahami. Tukang cerita sedar dengan menggunakan pendekatan yang halus ini mampu membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Disini jelas kepada masyarakat bahawa tok nora bukan sahaja dapat mengemukakan cerita yang menarik, tetapi idea yang diujarkan adalah singnifikan dengan situasi semasa. Oleh hal yang demikian, masyarakat berperanan menilai isi cerita tersebut sama ada baik atau buruk sesuatu perkara itu, berdasarkan kepada pembentukan sebuah negara bangsa yang terkandung perpaduan di dalamnya.

### **Kesimpulan**

Cerita-cerita lisan memberi sumbangan dalam memupuk norma dan nilai bagi membentuk personaliti masyarakat secara umumnya. Unsur-unsur pengajaran yang terdapat dalam cerita menora merupakan satu cara untuk memberi peringatan kepada masyarakat supaya berhati-hati dalam tingkah laku dan tidak melanggar sempadan adat istiadat dan agama. Begitu juga dengan fungsi kawalan sosial. Fungsi ini mengarahkan masyarakat supaya mengerti akan sesuatu pekerjaan yang dilakukan tidak melewati perbatasan norma dan nilai masyarakat sekitar. Begitu juga dengan fungsi pola-pola penerusan budaya menekankan masyarakat agar mengetahui bagaimana pola-pola itu diperaktikan dalam masyarakat. Di sini jelas bahawa fungsi-fungsi dalam dalam cerita lisan yang dimiliki oleh komuniti Siam berperanan penting dalam membentuk jati diri dan personaliti masyarakatnya. Jati diri ini penting kepada masyarakat, bagi mengimbangi pembentukan sesebuah negara bangsa. Matlamat ke arah pembentukan ini berjaya sekiranya masyarakat saling mengenal dan mengetahui tentang kebudayaan yang dimiliki oleh bangsa lain. Hal ini merealisasikan bangsa Malaysia yang sentosa dan harmoni.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara Bangsa: Proses dan Perbaahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abnuoor Abu Samah@Ahmad Asri Lubis (Pentj.)1997. *Kepimpinan wanita dalam keluarga dan masyarakat menurut kacamata Islam*. Batu Cave: Pustaka Ilmi
- Arba'e Sujud. 2009. Pelestarian Sastera Lisan Melalui Media Elektronik. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Tradisi Lisan Melayu*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 17-18 November.
- Bascom, William R. 1965. Four Functions of Folklore. Dlm. Alan Dundes (Pnyt). *The Study of Folklore*, hlm. 279-298. Prentice-Hall: University of California.
- Brandon, James R. 1967. *Theater in Southeast Asia*. Cambridge: Harvard University Press.
- Buyong Adil. 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew, Ernest. 1968. Sir Frank Swettenham and the Federation of the Malay States. *Modern Asian Studies* 2(1): 51-59
- Dundes, Alan. 1965. *The study of folklore*. Englewood Cliffs, N. J: Prentice Hall
- Grow, Mary Louise. 1991. Laughter for Spirits, A Vow Fulfilled: The Comic Performance of Thailand's *Lakhon Chatri* Dance-Drama. Thesis Ph. D. University of Wisconsin Madison.
- Guelden, Marlane P. 2005. Ancestral Spirit Mediumship in Sourthern Thailand: The *Nora* Performance as a Symbol of the South on the Periphery of a Buddhist Nation-State. Thesis Ph. D. University Of Hawai'i
- Jamilah Hj. Ahmad (pnyg). 1981. *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jotidhammo. 2000. Agama Buddha (sebuah pengantar). Dlm, *Agama Kita: perspektif sejarah agama-agama*. Djamb'annuri. Hal 63-71. Yogyakarta: Kurnia Kalam Semesta.

- Ishii, Yoneo. 1993. *Sejarah Sangha Buddha: hubungan Buddhisme dengan negara dan masyarakat*. Terj. Mohamed Yusoff Ismail. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ku Juk Kian. 1990. Menora: Satu Kajian Pakaian Dan Perhiasan. *Latihan Ilmiah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Grow, Mary Louise 1991. Laughter for Spirits, A Vow Fulfilled: The Comic Performance of Thailand's *Lakhon Chatri* Dance-Drama. Thesis Ph. D. University of Wisconsin Madison.
- Mahathera, Narada. 1997. *Sang Buddha dan ajaran-ajarannya*. Jakarta: Yayasan Dhammapida Arama.
- Mana Sikana. 2007. *teras sastera Melayu tradisional*. Bangi: Pustaka Karya Mohd. Taib Osman. 1981a. Mengenalkan Kesusasteraan Rakyat. Dlm. Jamilah Haji Ahmad (pngr). *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, hlm. 3-16. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Nazri Ahmad. 2008a. Puteri Saadong: wanita lagenda. Dlm. Hanapi Dollah (pnyt). *Warisan Kelantan XXVII*, hlm. 144-162. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Mohamad Nazri Ahmad. 2008b. Menora: Satu Identiti Seni Budaya Komuniti Siam Kelantan. Kertas Kerja Seminar Kebudayaan Dan Komuniti Siam Kelantan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kelantan, 29 November.
- Mohamad Nazri Ahmad et al. 2010. *Repertoire Cerita menora: Dokumentasi berasaskan cerita lisan masyarakat Siam di Bukit Yong Kelantan*. *Jurnal Melayu* 5: 127-146.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. 2008. Pura Taman: antara dalang dan dagang. Tesis Ph. D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohamed Ghous Nasuruddin. 2000. *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar Farouk Bajunid (pnyt). 1989. *Pengantar Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noonsuk,Preecha. 1995. Nora: A Southern Thai Dance Drama. Dlm. Chua Soo Pong (Ed.). *Traditional Theatre In Southeast Asia*. Hlm. 123-126. Thailand: Amarin Printing And Publishing Public Company Limited.

- Reid, Anthony. 2011. *Asia Tenggara dalam kurun Niaga 1450-1680*. Terj. Mochtar Pabotinggi. Jakarta. Yayasan Pustaka Obor Indonesia
- Safian Hussain et al. 1988. *Glosari Istilah Kesusastraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Sheppard, Mubin. 1973. Menora In Kelantan. *Journal Of The Malayan Branch Royal Asiatic Society* 46(1) : 161-170.
- Harian. 2011. 5 Mei
- Sweeney, Amin. 1973. Professional Malay Story-telling: some questions of style and presentation. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 46 (2): 2-8
- The Encyclopedia Americana. 1972. New York: American Corporation International Headquarters 9: 89
- Suwardi Endraswara. 2009. *Metodologi penyelidikan folklor*. Yogyakarta: Terbitan Medpress
- Tafsir pimpinan ar-rahman kepada pengertian *Al-Quran* Edisi kedua belas. 2001. Kuala Lumpur: Darulfikir
- Taha Abd Kadir. 1999. Seni Teater Rakyat: Fungsinya Dalam Masyarakat Dahulu dan Sekarang. *Monograf* 2. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Teeuw, A. 2003. *Sastran dan ilmu sastra, pengantar teori sastera*. Bandung: Pustaka Jaya
- Utusan Melayu*. 1946. 1 April
- Wan Abdul Kadir. 1988. *Budaya Popular Dalam Masyarakat Melayu Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Zahari Muhamad. 1988. Awang Penidur dan Siamang Tunggal dua buah cerita lisan daripada Pahang. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

### **Temu Bual**

- Eler a/l Cha Perat. 2008. Antara menora dan makyung. Temu bual, 30 September.
- \_\_\_\_\_. 2010. Sejarah menora. Temu bual, 18 November.
- Eh Chang a/l Eh Jiyu. 2010. Asal-usul menora. Temu bual, 20 November.
- Eh Tid a/l Ah Sing. 2010. Semangat menora. Temu bual, 30 Februari.